

Program M-Fest 2013 bentuk kemahiran insaniah pelajar UPM

KUALA LUMPUR 19 Dis. - Seramai 63 mahasiswa dan mahasiswi mewakili pelbagai fakulti bersama dua pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan Program Mosque (M)-Fest@Pengurusan Masjid di sini baru-baru ini.

Program itu dianjurkan dengan kerjasama Surau Nurul Ikhlas di Taman Pinggiran Putra, Seri Kembangan, Serdang dekat sini.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program termasuk Smart Solat, Pertandingan Mewarna, Bengkel Belajar Tulisan Khat, pameran gerai jualan, program kesihatan dan acara kemuncak adalah Forum Bicara Agama.

Fasilitator program, Zuhaimi Abdul Rahim berkata, program di bawah kokurikulum pengurusan masjid itu adalah julung kali diadakan di luar kampus.

Menurutnya, matlamat program itu antara lain bertujuan mendaharkan kepada para pelajar itu tentang aspek pentadbiran, pengurusan dan komunikasi dengan orang ramai dan kariah masjid dan masyarakat setempat.

“Selain membina kemahiran insaniah, program ini juga membuka minda mahasiswa dan mahasiswi ke arah konsep keusahawanan berteraskan Islam.

“Walaupun mereka masih menuntut di institusi pengajian tinggi, program ini menjadi titik tolak kepada pembentukan kepimpinan yang jujur, tegas dan beretika,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Program M-Fest, Ahmad Adib Zamir Mohd. berkata, kira-kira 200 penduduk sekitar hadir dalam Forum Bicara Agama yang membincangkan tajuk *Peranan Masyarakat dan Dakwah itu*.



KUMPULAN pelajar UPM selepas berjaya menganjurkan Program Mosque (M)-Fest@Pengurusan Masjid di Surau Nurul Ikhlas di Seri Kembangan, Serdang, Selangor, baru-baru ini.